

## **BAB 2**

### **SOROTAN KARYA**

#### **2.1 Pendahuluan**

Perbincangan dalam bab ini akan dibahagikan kepada dua aspek. Pertama, perbincangan tentang metafora merangkumi kewujudan metafora, sifat-sifat umum metafora, penggolongan metafora dan juga kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan metafora dalam puisi tradisional. Kedua, perbincangan adalah tentang puisi tradisional yang meliputi perkembangan puisi tradisional, penggolongan puisi tradisional dan juga falsafah dan penulis puisi dalam Dinasti Tang dan Dinasti Song. Tujuan perbincangan ini adalah untuk menolong pengkaji dan pembaca memahami bidang metafora dan puisi tradisional secara umumnya supaya penganalisan data dapat dijalankan dengan lebih lancar.

#### **2.2 Kewujudan Metafora**

Menurut Bolinger (1980:141), metafora mula wujud dalam fikiran manusia sejak alam kanak-kanak. Kanak-kanak dapat melihat persamaan dan perbezaan; mereka boleh menyamakan bentuk-bentuk yang seakan-akan sama. Contohnya, sesuatu yang bulat dipanggil “moon” dan sesuatu yang panjang dipanggil “stick” . Kanak-kanak menggunakan apa yang telah diketahuinya untuk memahami sesuatu konsep baru sepanjang masa tumbuhbesarannya. Pandangan ini sejajar dengan pendapat golongan penyokong metafora. Mereka menganggap bahasa dan kognisi manusia penuh dengan metafora iaitu ciri-ciri kognisi manusia memang bersifat metafora ( Shu,2000:2).

Pada awal abad ke-19, penulis puisi Shelly (1821) telah menyatakan metafora bukan sahaja merupakan sesuatu taktik yang digunakan oleh penulis puisi untuk mendedahkan hubungan persamaan antara benda-benda di alam dunia ini, tetapi juga menggambarkan ciri-ciri bahasa , “ *language is vitally metaphorical* “ (Hawkes, 1980:37) . Richards (1967) pula berkata “ *thought is metaphorical* “, iaitu fikiran adalah berciri metafora. Malahan, beliau berpendapat penggunaan metafora bukan hak segelintir penulis puisi yang bijaksana sahaja, tetapi wujud dalam mana-mana komunikasi bahasa manusia. Beliau menegaskan kita tidak boleh bertutur melebihi tiga ayat dengan lancar tanpa menggunakan metafora, “ *we cannot get through three sentences of ordinary fluid discourse without it* ” (Lee, 2001:42).

Lakoff dan Johnson (1980:3) berpendapat metafora sebenarnya wujud dalam kehidupan harian kita, bukan sahaja dalam bahasa, tetapi juga dalam pemikiran dan juga tingkah laku kita. Sistem konseptual kita iaitu cara kita berfikir dan bertindak sebenarnya berasaskan metafora secara semulajadi.

Menurut Shu (2000:91), kewujudan metafora adalah berdasarkan 3 faktor yang penting, iaitu faktor sosial, faktor kognisi dan faktor bahasa. Kewujudan faktor sosial adalah kerana bahasa adalah alat komunikasi antara manusia. Keadaan ini boleh berlaku apabila pengguna metafora ingin menunjukkan kesenian bahasa dan taraf pendidikannya demi meninggikan status sosialnya. Hal ini juga boleh disebabkan tekanan politik atau sosial yang menyebabkan pengguna itu terpaksa menggunakan metafora untuk menerangkan sesuatu perkara secara tidak langsung.

Faktor kognisi pula berasal dari teori anggapan limitasi persepsi dan persepsi saintifik. Dalam teori anggapan limitasi persepsi, metafora wujud akibat limitasi

keupayaan persepsi manusia yang pada mulanya menyamakan dua objek yang berlainan sebagai satu objek yang sama. Selepas itu, persepsi saintifik berlaku berikutan dengan perkembangan kognisi manusia. Manusia dapat membandingkan persamaan dua objek yang berlainan untuk menambah pengetahuan dan pengalaman manusia tentang kedua-dua objek tersebut. Dari sini wujudnya metafora.

Shu (2000:109) membahagikan faktor bahasa kepada dua sebab yang lain. Pertama, dari segi kekurangan item leksikal yang menyebabkan peminjaman item leksikal, dengan itu wujudnya banyak item leksikal yang berunsur metafora untuk menerangkan sesuatu konsep baru. Kedua, pengguna bahasa ingin mencari item leksikal baru yang lebih unggul, lebih berkesan atau lebih lembut untuk mengukuhkan penerangan sesuatu konsep. Penggunaan bahasa ini dikenali sebagai penggunaan bahasa kiasan. Pernyataan ini sejajar dengan pendapat Hawkes (1972:2-5), iaitu metafora juga membolehkan kita memahami sesuatu perkara yang telah diketahui sebelum itu supaya menjadi lebih jelas.

Kewujudan metafora pada asasnya mungkin disebabkan jurang item leksikal yang menyebabkan sesuatu metafora itu terpaksa digunakan, atau disebabkan ciptaan sesuatu item leksikal yang kreatif. Sebenarnya kewujudan sesuatu metafora adalah kompleks. Hal ini mungkin disebabkan sesuatu faktor tertentu, atau beberapa faktor tertentu atau kombinasi faktor-faktor yang berlainan. Dalam kajian ini, sebab-sebab kewujudan metafora yang dibincangkan di atas akan dijadikan garis panduan dalam penganalisan faktor-faktor sesuatu item leksikal metafora digunakan.

## **2.3 Sifat-sifat Umum Metafora**

Berikutan adalah beberapa sifat umum yang disarankan oleh pengkaji-pengkaji yang terkemuka dalam bidang metafora. Walaupun mereka mempunyai pendirian masing-masing, tetapi pendapat mereka tidak bertentangan, malahan dalam sepanjang tempoh perkembangan penyelidikan metafora, hasil kajian pengkaji-pengkaji sebelum ini telah banyak menyumbang idea-dea yang baru dan menyuburkan bidang metafora. Pemahaman sifat-sifat umum ini menjadi garis panduan yang penting untuk kajian makna metafora dalam puisi tradisional.

### **2.3.1 Pemindahan nama dari satu objek ke sesuatu objek lain**

Apabila satu-satunya metafora menghuraikan sesuatu, ini bermakna terdapatnya persamaan antara perkara tersebut. Hal ini menggambarkan wujudnya hubungan antara perkataan yang tidak semestinya mempunyai hubungan yang langsung. Aristotle (1968:251) berpendapat bahawa untuk menghasilkan metafora yang baik adalah dengan memerhatikan persamaan di dalam ketidaksamaan yang wujud. “ *.....metaphor is the most important of the artistic uses of language and the ability to perceive similarities in dissimilarities is a sign of genius.*” Beliau percaya bahawa ciri persamaan (*similarity*) ialah asas kepada pemindahan makna bagi metafora, iaitu pemindahan nama daripada satu objek kepada sesuatu objek lain yang mempunyai aplikasi yang semulajadi. “ *Metaphor is the transfer of name from the object to which it has a natural application: this transference can take place from genus to species or species to genus or from species to species or by analogy.*” (Aristotle 1968:37).

Dalam kajian ini, sifat pemindahan nama objek dengan pemerhatian ke atas persamaan di dalam ketidaksamaan yang disarankan oleh Aristotle (1968) ini menjadi syarat pertama yang digunakan oleh pengkaji untuk mengenalpastikan item leksikal metafora. Pengkaji akan melihat persamaan makna sebenar yang ingin disampaikan oleh penulis puisi dalam ketidaksamaan makna denotasi sesuatu item leksikal dengan makna sebenarnya untuk memastikan sama ada item leksikal tersebut bersifat metaforikal.

### **2.3.2 Struktur semantik metafora**

Lanjutan dari sifat pemindahan nama daripada satu objek kepada sesuatu objek lain yang disarankan oleh Aristotle, Richards (1936) telah membezakan kedua-dua objek atau elemen-elemen tersebut sebagai *tenor* dan *vehicle*. Beliau telah memberi contoh ayat berikut sebagai penerangan (Richards, 1936:96):

*“Life is a yo-yo. It’s a series of ups and downs.”*

Kehidupan (*life*) dan yo-yo adalah dua objek yang berlainan. Kehidupan telah dinyatakan sebagai yo-yo yang boleh berayun naik dan turun. Pemindahan makna berlaku di mana kehidupan adalah abstrak tetapi yo-yo dapat dilihat. Kehidupan sebagai *tenor* yang menjadi subjek atau arah tujuan metafora digunakan. Yo-yo pula adalah *vehicle* yang merujuk kepada satu sumber yang digunakan untuk menerangkan *tenor*. “*It is a series of ups and downs*” adalah *ground* yang merupakan faktor atau asas untuk menggabungkan kedua-dua objek kehidupan dan yo-yo yang mempunyai ciri-ciri yang sama iaitu menaik dan menurun.

Lakoff dan Johnson (1980:52) menggunakan *defined domain* untuk *tenor* dan *domain* untuk *vehicle*. Kedua-dua konsep ini diterjemahkan sebagai 本体 (ben ti) untuk *tenor* dan 喻体 (yu ti) untuk *vehicle* dalam bahasa Cina (Shu, 2000:42).

Pradopa (1993:66) pula menterjemahkan dua komponen atau dua istilah itu sebagai istilah pokok (*principal term*) dan istilah kedua (*secondary term*). Istilah pokok merujuk kepada *tenor*, istilah kedua merujuk kepada *vehicle*. *Vehicle* sesuatu metafora adalah idea yang disampaikan oleh makna literal sesuatu perkataan yang digunakan secara metafora. *Tenor* pula adalah idea yang disampaikan oleh metafora. Saeed (2000:302) menyatakan dua konsep metafora ini sebagai domain sasaran (*target domain*) dan domain sumber (*source domain*). Domain sumber menggunakan konsep yang konkrit untuk menerangkan konsep yang abstrak iaitu domain sasaran.

Hasil kajian struktur semantik yang disebutkan di atas telah memberi sumbangan yang besar dalam bidang metafora kerana hasil kajian ini memudahkan pemahaman pengkaji tentang penggunaan metafora dalam perbandingan dua objek yang berlainan. Walaupun istilah-istilah yang digunakan untuk dua objek perbandingan adalah berlainan, tetapi konsepnya adalah sama. Dalam kajian ini, dua objek perbandingan ini akan diberi nama sumber dan sasaran. Sumber (*vehicle*) merujuk kepada makna denotasi sesuatu item leksikal yang digunakan untuk merujuk sesuatu sasaran (*tenor*). Sasaran (*tenor*) adalah makna sebenar atau makna metafora yang sebenarnya yang ingin disampaikan oleh penulis puisi.

### 2.3.3 Perhubungan metafora dengan konsep, kognisi dan pengalaman

Menurut Shu (2000:28), Richards (1936) merupakan pengkaji yang paling awal memperkenalkan sifat-sifat metafora yang berasaskan unsur-unsur kognisi. Pendapat beliau paling jelas dan sistematik. Richards mengatakan “ *metaphor is the omnipresent principle of language*” . Metafora boleh wujud di mana-mana sahaja, termasuk dalam bahasa ilmu sains yang objektif, dan juga ilmu falsafah yang lebih abstrak. Beliau mengkritik kelemahan teori metafora yang lama kerana mengabaikan metafora yang pada asasnya merupakan interaksi antara pemikiran dan transaksi antara konteks. Metafora dalam bahasa dihasilkan melalui kognisi manusia yang bersifat metafora.

Lakoff dan Johnson (1980:3) juga berpendapat metafora bukan sahaja sejenis persembahan bahasa, tetapi merupakan persembahan kognisi; metafora merupakan sesuatu jalan untuk memandu manusia mengenali sesuatu objek dan membina sesuatu sistem konsep. “ *Primarily on the basis of linguistic evidence, we have found that most of our ordinary conceptual system is metaphorical in nature.*” (Lakoff dan Johnson ,1980:4), iaitu dari segi asas bukti linguistik, sistem konsep yang biasa kita gunakan adalah bersifat metaforikal dengan semula jadi. Mereka mendapati jika dikaji dengan lebih terperinci, struktur metafora sebenarnya adalah sama dengan apa yang dilihat, difikir dan dilakukan. Dengan itu, proses pemikiran manusia adalah berbentuk metaforikal dan sistem konsep manusia adalah berstruktur metaforikal. Metafora, sebagai ekspresi linguistik adalah sama dengan sistem konsep manusia. Maka Lakoff dan Johnson membuat kesimpulan bahawa metafora sebenarnya berasaskan konsep metaforikal. Sakina (2000:355) juga berpendapat bahasa, khususnya metafora memang

mencerminkan sistem konsep penuturnya. Sistem konsep ini telah terpaku di dalam penuturnya.

Tambahan pula, Lakoff dan Johnson (1980:5) menyarankan “ *the essence of metaphor is understanding and experiencing one kind of thing in terms of another*” ; “ *In actuality we feel that no metaphor can ever be comprehended or even adequately represented independently of its experiential basis*” (Lakoff dan Johnson,1980:19). Dengan kata lain, mereka menegaskan kepentingan mempunyai asas pengalaman untuk memahami sesuatu makna metafora. Sebagai contohnya, “*more is up*” mempunyai asas pengalaman yang berbeza dengan “*happy is up*” atau “*rational is up*”. Walaupun konsep “*up*” adalah sama dalam metafora, tetapi asas pengalaman ke atas metafora “*up*” ini adalah berbeza. Hal ini bukan bermakna terdapatnya banyak jenis “*up*” yang berbeza, cuma pengalaman yang berbeza akan memberi makna kenaikan “*up*” yang berlainan dalam metafora. Pendapat ini sejajar dengan pendapat Hawkes (1972:2) yang mengatakan penggunaan metafora dalam bahasa membolehkan kita memahami sesuatu konsep baru berpandukan pengalaman atau pengetahuan yang sedia ada.

Perkembangan kajian metafora yang mengaitkan konsep, kognisi dan pengalaman ini boleh dikatakan telah mencapai peringkat kematangan. Pemahaman dalam perkaitan ini membantu pengkaji dalam kajian ini untuk mencari item leksikal metafora dalam puisi tradisional bahasa Cina berdasarkan pemahaman konsep dan pengalaman tentang makna denotasi, ciri-ciri dan sifat-sifat item leksikal tersebut.

### **2.3.4 Perhubungan metafora dengan retorik**

Menurut Kamus Dewan (2005:1326), retorik bermakna seni menggunakan atau memakai bahasa yang indah dan menarik untuk memujuk atau mempengaruhi pemikiran pendengar, seni berpidato.

Aristotle menggolongkan semua jenis retorik sebagai bahasa metafora. Beliau berpendapat bahawa fungsi retorik dan metafora adalah sama, iaitu berfungsi membandingkan sesuatu objek atau perkara sebagai bahasa kiasan.

Abdullah (1993:907) mendefinisikan retorik, iaitu bahasa kiasan atau analogi sebagai ungkapan-ungkapan yang maknanya tidak dapat diketahui daripada makna perkataan itu sendiri ataupun daripada susunan tatabahasanya. Beliau menggolongkan metafora sebagai salah satu jenis bahasa kiasan, sama kedudukan dengan personifikasi dan hiperbola di bawah payung bahasa kiasan.

Rahim (1993:66) mengatakan bahasa kiasan di dalam puisi ada bermacam-macam, namun bahasa ini menghubungkan sesuatu dengan sesuatu yang lain. Jenis bahasa kiasan antara lainnya terdapat alegori, metafora, metonimi, perbandingan (simile), personifikasi, perumpamaan epos dan sinekdoki.

#### **a. Simile**

Menurut Kamus Dewan (2005:1495), simile adalah perumpamaan yang secara jelas mengungkapkan perbandingan atau persamaan antara sesuatu (orang, benda dan sebagainya) dan yang lain. Contohnya bodoh macam lembu.

Menurut Aristotle (2004:224), simile juga merupakan metafora dengan mempunyai sedikit perbezaan sahaja. Contohnya “lompatan seseorang seperti lompatan

singa” iaitu “ *like a lion leapt*” adalah simile, tetapi “lompatannya ialah lompatan singa” iaitu “ *a lion leapt*” pula menjadi metafora. Perkataan “*like*” membezakan antara simile dan metafora.

Dari segi struktur tatabahasa, perbezaan antara simile dan metafora hanya kerana penggunaan kata penghubung yang wujud dalam simile, iaitu “ *like, as* “ dalam bahasa Inggeris dan “ 像 *xiang* 、 似 *shi*“ dalam bahasa Cina . Persamaannya ialah dari segi pemindahan kata nama antara dua objek, tetapi metafora lebih bersifat tersirat yang dapat meningkatkan minat pembaca, manakala kata penghubung yang digunakan dalam simile telah mengurangkan daya tarikannya (Shu,2000:52).

Menurut Keraf (1991:138), simile adalah perbandingan yang bersifat eksplisit, iaitu membandingkan sesuatu dengan sesuatu yang lain secara langsung. Oleh yang demikian, ia memerlukan upaya yang secara eksplisit menunjukkan kesamaan itu dengan kata-kata seperti, sebagai, bagaikan, laksana dan sebagainya.

Dalam kajian ini, simile dimasukkan dalam metafora mengikut saranan Aristotle (2004) dan Shu (2000) kerana fungsi pemindahan makna simile dan metafora adalah sama.

#### b. Personifikasi

Menurut Kamus Dewan (2005:1194), personifikasi adalah pemberian sifat-sifat manusia kepada benda tak bernyawa atau sesuatu yang abstrak dan lain-lain untuk mendapatkan kesan sastra atau seni.

Kajian Lakoff dan Johnson pernah menerangkan persamaan dan perbezaan antara personifikasi dengan metafora (Lakoff dan Johnson, 1980:33-40). “ *Personification is a*

*general category that covers a very wide range of metaphors*” ( Lakoff dan Johnson, 1980:34). Mereka berpendapat personifikasi adalah lanjutan daripada metafora ontologi dan membolehkan kita mentafsirkan maknanya berdasarkan fenomena dunia manusia, iaitu sesuatu ungkapan yang boleh kita faham berasaskan motivasi, matlamat, tindakan dan tingkah laku manusia, contohnya “ *inflation is an adversary*”, iaitu inflasi merupakan musuh. Mengikut pengalaman fenomena dunia manusia, inflasi dapat menyerang kita, melukakan kita, mencuri harta benda kita, malah membinasakan kehidupan kita. Oleh yang demikian, inflasi dianggap sebagai benda hidup yang merupakan musuh kita.

Kajian ini menggunakan saranan Lakoff dan Johnson dengan menggolongkan personifikasi sebagai metafora untuk dikaji.

### c. Analogi

Menurut Shi (1991:77) dalam kajiannya terhadap teknik penulisan puisi tradisional Dinasti Tang, puisi tradisional Tang banyak menggunakan analogi termasuk 明喻 ( míngyù ) simile, 隐喻 ( yǐnyù ) metafora , 借喻 ( jièyù ) metafora nominal dan 博喻 ( bóyù ) gabungan analogi. Dalam penggunaan simile, perkataan “seperti” dan “umpama ” digunakan untuk mengaitkan *tenor* dan *vehicle*. Dalam penggunaan metafora pula, perkataan “ ialah” dan “adalah” digunakan untuk fungsi yang sama. Dalam penggunaan metafora nominal, *tenor* dan perkataan gabungan tidak wujud, tetapi hanya menggunakan *vehicle* untuk menggantikan *tenor*. Menurut Miller (1979:230), jenis metafora ini biasanya wujud dalam bentuk kata nama dalam bahasa Inggeris yang dikenali sebagai “ *nominal metaphor* “. Lee (2001:44) pula memasukkan jenis metafora

ini sebagai salah satu modul metafora dalam item leksikalnya. Gabungan analogi pula merupakan gabungan penggunaan semua jenis analogi.

Walaupun terdapat perbezaan pendapat antara pengkaji-pengkaji dan juga perselisihan penggunaan jenis-jenis metafora dalam bahasa Inggeris dan bahasa Cina, tetapi kita dapat mengesan bahawa semakin mendalam kajian dalam bidang metafora, semakin luas skop metafora dan semakin rapat perhubungan jenis-jenis bahasa retorik yang lain dengan metafora.

Dari segi retorik, simile dan personifikasi akan dikaji dalam kajian ini. Hal ini kerana kedua-dua jenis bahasa retorik ini mempunyai ciri-ciri yang boleh digolongkan dalam bidang metafora yang luas dan juga banyak digunakan dalam puisi tradisional bahasa Cina.

### **2.3.5 Peranan konteks dalam metafora**

Lakoff dan Johnson (1980:12) pernah berkata :” .....*context is required to determine whether the sentence has any meaning at all and, if so, what meaning it has.*”

Peranan konteks memainkan peranan yang penting dalam analisis makna metafora. Konteks yang berlainan akan memberi tafsiran makna metafora yang berlainan. Shu (2000:36) memberi contoh seperti berikut :

“ 老虎屁股摸不得 “ bermakna jangan menyentuh punggung harimau. Sekiranya pernyataan ini ditulis di sebuah zoo, maka pernyataan ini akan memberi makna literal dengan memberi amaran kepada pelawat zoo supaya jangan menyentuh punggung harimau. Akan tetapi, sekiranya konteks ini merujuk kepada manusia, maka item leksikal

“ harimau ” memperoleh makna metafora dan ungkapan ini bermakna jangan mengacau orang yang garang seperti harimau itu.

Seterusnya Shu (2000:36) menerangkan bahawa item leksikal dianggap sebagai fokus dan konteks pula merupakan rangka ( *frame* ) dalam pragmatik penggunaan metafora. Dengan itu, metafora boleh wujud di semua peringkat unit bahasa termasuk kosa kata, frasa, klausa ayat dan ungkapan. Malahan, berdasarkan ciri-ciri konteks, metafora boleh digunakan pada tahap kosa kata dalam sesuatu ungkapan sehingga tahap sesuatu ayat, sebuah puisi, sebuah rencana, sebuah karya dan sebagainya.

Berdasarkan hasil kajian Shu (2000:36), konteks dalam puisi tradisional adalah penting untuk mencungkil makna metafora sebenarnya. Oleh yang demikian, pengkaji perlu mengkaji konteks sesebuah puisi itu, iaitu dengan mengetahui siapa, bila, mengapa dan bagaimana sesebuah puisi itu dihasilkan dalam analisis makna metafora sesebuah puisi.

### **2.3.6 Kedudukan budaya dalam metafora**

Budaya bermakna tamadun, peradaban, kemajuan fikiran, akal budi ( cara berfikir, berkelakuan dan sebagainya ) ( *Kamus Dewan*, 2005:212). Budaya merupakan salah satu ciri penting yang perlu diambilkira dalam analisis makna metafora sesebuah karya. “ *The most fundamental values in a culture will be coherent with the metaphorical structure of the most fundamental concepts in the culture*” (Lakoff dan Johnson, 1980:22). Lakoff dan Johnson (1980:23) memberi contoh konsep “ bigger is better ” . Konsep “bigger is better” tidak semestinya diterima oleh semua orang tetapi bergantung kepada budaya yang berlainan. Sebagai contoh, semasa kita menimbang sama ada ingin membeli kereta

yang besar atau kereta yang kecil. Ini semata-mata bergantung kepada budaya seseorang yang berlainan. Orang Amerika memilih kereta yang besar tanpa memikirkan masa depannya yang perlu menanggung perbelanjaan yang tinggi, tetapi bagi sesetengah orang, mereka akan menganggap kereta yang kecil adalah lebih baik kerana kosnya adalah lebih rendah. Contoh ini menerangkan bahawa bukan semua orang menganggap konsep “ bigger is better ”. Ada juga orang menerima konsep “ smaller is better” bergantung kepada kepercayaan atau budaya seseorang itu.

Selain itu, Tan (1996:4) dalam kajiannya menunjukkan bahawa penggunaan metafora akan berubah bergantung kepada budaya seseorang “ .....*the ultimate linguistic expression of the metaphor may vary due to culture specific influences.*” Beliau memberi contoh :“ *life is a burning joss stick* ” . “*Joss stick*” iaitu colok adalah bahan sembayang penganut agama Buddha atau Tao, maka pengguna metafora ini sememangnya seorang yang beragama Buddha atau Tao. “ *Life is a burning joss stick* ” memberi makna metafora bahawa nyawa adalah amat bernilai seperti colok terbakar yang tidak dapat dipandang rendah ( *Life is not something to be taken lightly* ).

Berdasarkan contoh di atas, budaya merupakan salah satu faktor penting untuk mengkaji makna metafora. Pengkaji perlu memahami serba sedikit budaya Cina pada zaman Dinasti Tang (618-907 tahun Masehi) dan Dinasti Song (960-1279 tahun Masehi) supaya dapat mentafsirkan makna metafora sesebuah puisi itu dengan lebih tepat.

Dalam kajian ini, sifat pertama yang disarankan oleh Aristotle (2004) iaitu pemindahan nama objek dengan pemerhatian persamaan di dalam ketidaksamaan menjadi prinsip asas untuk mengenalpasti item leksikal metafora. Seterusnya kajian ini akan menggunakan “sumber” untuk merujuk makna denotasi sesuatu objek dan “sasaran”

untuk merujuk objek atau perkara sebenarnya yang ingin dimaksudkan oleh penulis puisi. Simile dan personifikasi juga dimasukkan dalam skop kajian metafora ini. Pengkaji menganalisa makna metafora sesuatu item leksikal mengikut konsep, kognisi dan pengalaman seperti disarankan oleh Lakoff dan Johnson(1980). Konteks dan budaya juga dikaji dalam skop kajian ini.

#### **2.4 Penggolongan Metafora**

Pengkaji yang berlainan memberi jenis penggolongan metafora yang berlainan. Hal ini kerana mereka menggolongkan jenis metafora mengikut sudut yang berlainan atau berdasarkan konsep yang berlainan. Ada di antaranya juga disebabkan bahasa yang dikaji itu berlainan dan hal ini akan turut mempengaruhi penggolongan metafora. Menurut Lee (2001:56), bahasa Inggeris dan bahasa Cina ada perbezaannya dari segi penggunaan metafora, iaitu perbezaan penggunaan *vehicle* dan struktur dalaman dalam kosa kata.

Kajian ini akan menggolongkan metafora dengan merujuk kepada jenis penggolongan berikut :

- i. Penggolongan metafora berdasarkan struktur sintagmatik dicadangkan oleh Shu (2000) dan Brooke-Rose (1958).
- ii. Penggolongan metafora berdasarkan imej disarankan oleh Nilsen & Nilsen (1978).
- iii. Penggolongan metafora berdasarkan konsep disarankan oleh Lakoff dan Johnson (1980).

- iv. Penggolongan metafora berdasarkan etimologi dicadangkan oleh Black (1979).

#### **2.4.1 Penggolongan metafora berdasarkan struktur sintagmatik**

Penggolongan metafora berdasarkan struktur sintagmatik yang dicadangkan oleh Shu (2000:59-66) sama seperti penggolongan yang disarankan oleh Brooke - Rose (1958) iaitu berdasarkan tatabahasa. Mereka menggolongkan metafora mengikut metafora kata nama, metafora kata kerja, metafora kata sifat, metafora kata adverba dan metafora kata depan.

##### **a. Metafora kata nama**

Metafora kata nama bererti metafora yang dibentuk daripada kata nama. Metafora ini boleh wujud sebagai subjek atau predikat dalam sesuatu ayat. Contohnya “ monyet ” digunakan untuk merujuk kepada orang yang kurus dalam bahasa Cina. Ada juga yang menggunakan kata nama yang lain untuk merujuk kepada seseorang, sesuatu tempat atau objek, contohnya “人类灵魂工程师” (jurutera roh manusia) merujuk kepada guru dalam bahasa Cina.

Menurut Shu (2000:61), jenis metafora ini lebih senang untuk dikenali dan difahami kerana kebanyakan kata nama mempunyai makna denotasi pada tahap rujukan yang menyenangkan kita untuk memahami perbandingan antara dua objek. Selain itu, kata nama lebih bersifat imaginasi dan lebih senang untuk menangkap imejnya. Hal ini kerana kita dapat mentafsirkan imej itu berdasarkan perasaan, pengalaman dan konsep yang sedia ada dalam fikiran kita. Imej itu bukan sahaja senang dicakupi tetapi boleh

membentuk satu rangkaian dengan segera melalui imaginasi. Kajian ini akan menggunakan cara ini untuk menganalisis kata nama dalam puisi yang dikaji supaya mendapat gambaran yang lebih luas dan makna yang lebih mendalam.

#### b. Metafora kata kerja

Metafora kata kerja wujud apabila kata kerja bercanggah dengan subjek atau objek yang logik dalam sesuatu ungkapan atau ayat. Shu (2000:62) memberi contoh berikut:-

“.....*the lines that seem to gnaw up all Faith.*”

Contoh ini tidak dapat mengesan makna keseluruhannya kerana hanya satu ayat sahaja ditunjuk, tetapi jelas kelihatan metafora digunakan dengan menganggap “ayat” sebagai haiwan, ini kerana ayat ( *lines*) tidak boleh mengunyah kebenaran ( *faith* ).

Contoh di atas menunjukkan kata kerja “mengunyah” berpadan dengan kata nama “kebenaran”. Shu (2000:63) berpendapat bahawa kata kerja ini biasanya digunakan berpadanan dengan kata nama, contohnya “menendang “ dikaitkan dengan “ kaki” , “mati” dikaitkan dengan “benda hidup” . Beliau memberi satu contoh lagi seperti berikut:

“ *She did not so much cook as assassinate food.*”

Dalam ayat ini, kata kerja “*assassinate*” sepatutnya dikaitkan dengan kata nama “orang”, bermakna menggunakan cara yang kotor untuk membunuh orang. Malahan, contoh ini memadankan “*assassinate*” dengan makanan “*food*” telah membawa makna yang lain iaitu perempuan itu menjalankan sesuatu yang tidak betul semasa memasak. Padanan kata kerja dan kata nama ini akan mengganggu rangkaian semantik yang asal dan membentuk satu sistem semantik baru yang berkaitan.

### c. Metafora kata sifat

Kata sifat biasanya digunakan untuk menerangkan kata nama atau menjadi sebahagian predikat dalam ayat. Ciri-cirinya sama dengan kata kerja.

Sebagai contoh, ayat “ *the air was **thick** with a bass chorus*”. Kata sifat “ *thick*” dalam ayat ini merupakan item leksikal metafora kata sifat yang penting menerangkan keadaan udara “*air*” yang sangat penuh dengan nada korus yang rendah. Udara yang sangat penuh dengan nada korus yang rendah memberi makna metafora suasana yang sangat sedih (Shu,2000:64).

### d. Metafora kata adverba

Kadang-kala, kata adverba juga boleh digunakan sebagai metafora. Ia menggambarkan adanya persamaan antara perhubungan kata adverba dengan subjek dan predikat. Akan tetapi, jika dibandingkan dengan metafora yang lain, ciri metafora ini kurang kerana ciri-ciri simbolnya kurang dari segi ketaksamaan dengan semantik subjek dan predikat yang ingin dimaksudkan itu. Contohnya, “ *he clambered after her **sheepishly*** “, “ *ly*” dalam “ *sheepishly*” merupakan metafora kata adverb hanya memberi makna bahawa dia berasa takut pada perempuan itu. Penafsirannya adalah terhad. Jika ayatnya ialah “ *he clambered after her like a sheep*” , di mana “*like*” merupakan kata kerja. Ayat ini boleh memberi makna metafora yang lebih luas, misalnya gerak gerinya lemah lembut seperti biri-biri, ataupun berbunyi seperti biri-biri dan sebagainya (Shu, 2000:65). Ini menunjukkan “*ly*” selaku metafora kata adverb memberi makna yang terhad berbanding dengan “*like*” .

Ang (2006:23) juga menyatakan metafora kata adverba tidak digunakan seluas seperti metafora kata depan. Metafora kata adverba sukar dibentuk dan boleh digantikan oleh bentuk-bentuk lain dan penggunaannya adalah terhad dalam sesuatu bahasa.

e. Metafora kata depan

Menurut Shu (2000:65), metafora kata depan biasanya wujud dalam metafora konsep. Dalam contoh, “ *A right extremist group is suspected of being **behind** the killing*”, “**behind**” memberi makna metafora iaitu kumpulan itu bertanggungjawab ke atas sesuatu pembunuhan. Dalam contoh lain, “ *Sanders was arrested **within** hours of returning to Britain*”, “**within**” memberi makna metafora dengan merujuk kepada urutan masa.

Menurut Fromkin, Rodman dan Hyams (2003:125-127), kategori sintagmatik bukan sahaja terdiri daripada kata nama, kata kerja, kata sifat, kata adverb dan kata depan, ia juga boleh terdiri daripada ayat, frasa, klausa dan sebagainya. Semua bahasa mempunyai kategori sintagmatik ini.

Dalam kajian ini, didapati bahawa item-item leksikal metafora dalam puisi boleh wujud dalam bentuk kata, frasa dan juga ayat. Menurut Kamus Dewan (2005:684), kata merujuk kepada perkataan yang merupakan bunyi atau gabungan bunyi dalam sesuatu bahasa yang disebut atau ditulis dan sebagainya dengan menggunakan huruf-huruf untuk menyampaikan sesuatu maksud; frasa adalah kumpulan kata yang membentuk unit sintaksis sesuatu klausa; ayat pula merupakan serangkaian perkataan lengkap yang membawa sesuatu maksud.

Menurut Zhang (2002:157), kata merupakan unit bahasa yang paling kecil dan dapat digunakan dengan bebas; frasa adalah gabungan kata. Demi penggolongan metafora berdasarkan struktur sintagmatik, item-item leksikal metafora perlu diklasifikasikan mengikut kata, frasa dan ayat ( rujuk Apendiks B ).

Dalam kajian puisi bahasa Cina ini, penggolongan metafora berdasarkan struktur sintagmatik dan item leksikal metafora yang dianalisis terdiri daripada kata dan frasa dalam puisi yang telah dikenalpasti. Ayat tidak dimasukkan dalam penggolongan ini kerana gabungan kata-kata yang banyak dalam sesuatu ayat tidak dapat ditentukan jenisnya sama ada metafora kata nama, kata kerja atau kata sifat dan sebagainya. Frasa akan ditentukan jenis metaforanya berdasarkan bentuk tatabahasa kata yang menyumbangkan kepada makna metafora yang dimaksudkan berdasarkan tema utama puisi tersebut.

#### **2.4.2 Penggolongan metafora berdasarkan imej**

Dalam penggolongan metafora jenis imej, Ullman (1962:214-216) dan Nilsen dan Nilsen (1978:169-171) telah mengemukakan cadangan yang lebih kurang sama. Ullman (1962) mencadangkan empat kumpulan utama, iaitu metafora berciri kemanusiaan, berciri kehaiwanan, metafora abstrak kepada konkrit dan metafora sinestesis.

##### **a. Metafora berciri kemanusiaan**

Metafora berciri kemanusiaan ( *anthropomorphic metaphors*) merupakan ujaran yang merujuk kepada benda yang tidak bernyawa dengan menggunakan bahagian badan

manusia. Contohnya “ *brow of a hill*”, “ *the ribs of a vault*”, “ *the mouth of a river*” dan sebagainya.

#### b. Metafora berciri kehaiwanan

Metafora berciri kehaiwanan ( *animal metaphors* ) dibahagikan kepada dua jenis. Pertama, metafora merujuk kepada tumbuhan atau objek, iaitu sesuatu nama tumbuhan atau objek yang tidak bernyawa diberikan berdasarkan nama binatang, contohnya “*goat’s-beard*”, “ *dog’s tail*”, “*crane*”, “ *cock of a gun* “ dan sebagainya. Kedua, imej binatang seperti anjing, kucing, tikus dipindahkan kepada manusia yang boleh membawa pelbagai makna konotasi, contohnya binatang boleh bercakap seperti di dalam *Aesop’ Fables* atau *Animal Farm* .

#### c. Metafora abstrak kepada konkrit

Jenis metafora ini mengubah pengalaman abstrak menjadi konkrit. Contoh yang berkaitan dengan “*light*” diberi seperti “ *to throw light on*”, “ *to put in a favourable light* ” dan “ *leading lights* ”.

#### d. Metafora sinestesis

Metafora sinestesis ( *synaesthetic metaphors*) melibatkan pindahan dari satu deria atau sifat-sifat deria kepada yang lain, contohnya “ *warm voice* ” , “ *cold voice* ” , “ *loud colour* ” , “ *sweet voice* “ dan sebagainya.

Nilsen dan Nilsen (1978:169-171) pula mengkategorikan metafora berdasarkan imej kepada lima kumpulan berdasarkan proses-proses pembentukan metafora, iaitu

metafora kedewaan, metafora personifikasi, metafora kehaiwanan, metafora ketumbuhan dan metafora pengkonkritan.

a. Metafora kedewaan

Jenis metafora ini mengaitkan manusia atau objek kepada sifat-sifat kedewaan, contohnya, “ *Alexander the great* ”, iaitu kekuatan atau kebolehan seseorang disamakan dengan kekuatan Alexander yang disanjung sebagai dewa mengikut kepercayaan orang Barat.

b. Metafora personifikasi

Personifikasi memindahkan sifat-sifat manusia kepada objek yang bukan manusia, contohnya, “ perutnya berkeroncang “.

c. Metafora kehaiwanan

Metafora kehaiwanan melibatkan pemindahan sifat-sifat haiwan kepada manusia atau objek. Misalnya, “ dia menikus “.

d. Metafora tumbuhan

Metafora tumbuhan pula melibatkan pemindahan sifat-sifat tumbuhan kepada manusia atau objek. Misalnya, “ dia kurus melidi”.

#### e. Metafora pengkonkritan

Metafora jenis ini melibatkan proses mengkonkritkan apa-apa yang abstrak, contohnya meminta bantuan dikatakan “ *give me a hand* “ iaitu bantuan adalah abstrak tetapi tangan adalah konkrit.

Dalam penggolongan Ullman (1962:214-216) dan Nilsen dan Nilsen (1978:169-171), terdapat dua persamaan iaitu metafora kehaiwanan dan metafora pengkonkritan. Dalam kajian ini, penggolongan Nilsen dan Nilsen (1978) akan digunakan kerana jenis penggolongannya lebih sesuai digunakan untuk kajian ini. Item leksikal metafora dalam kajian ini boleh digolongkan mengikut cadangan Nilsen dan Nilsen (1978) yang merangkumi metafora personifikasi, metafora kehaiwanan, metafora tumbuhan dan metafora pengkonkritan.

### 2.4.3 Penggolongan berdasarkan konsep

Bahagian ini akan membincangkan penggolongan metafora mengikut pendapat Lakoff dan Johnson (1980). Mereka telah membahagikan metafora kepada metafora struktur, metafora orientasi dan metafora onotologi berdasarkan konsep metaforikal.

#### a. Metafora struktural

Metafora struktural menyusun sesuatu konsep secara metaforikal berdasarkan konsep yang lain. Metafora struktural ini berunsur sistematik. Ini adalah kerana konsep metaforikal adalah sistematik, maka bahasa yang kita gunakan untuk menerangkan konsep tersebut juga sistematik. Sebagai contohnya, “ *argument is a war*”, kita boleh menggunakan perkataan atau rangkai kata yang berkaitan dengan peperangan (*war*)

seperti “ *attack a position, indefensible, strategy, new line of attack, win, gain ground* “ dan sebagainya untuk menerangkan pertengkaran (*argument*). Frasa ini membentuk satu penerangan mengenai perlawanan yang sistematis mengenai pertengkaran.

Metafora struktural juga membolehkan kita mengembangkan satu konsep asas untuk menyatakan sesuatu perkara baru yang berkaitan dengan *tenor* yang ingin dimaksudkan, contohnya, berdasarkan konsep asas “*time is money*“, kita boleh mengatakan seperti berikut:

*You are **wasting** my time. You don't use your time **profitably**. I have **invested** a lot of time in her.* (Lakoff dan Johnson ,1980:7-8)

Berdasarkan konsep asas masa adalah terhad dan bernilai seperti wang, kita boleh menggunakan item leksikal “ *wasting* ”, “ *invested* ” dan “ *use profitably* ” untuk menerangkan sesuatu perkara yang baru tentang masa atau sikap yang berlainan dalam penggunaan masa.

Selain itu, konsep-konsep metaforikal seperti “ *time is money* “, “ *time is resources*” dan “ *time is a valuable commodity* “ akan membentuk satu sistem sub-kategori yang ringkas. Perhubungan sub-kategori ini menggambarkan perhubungan penglibatan di antara metafora. Di sini “ *time is money* “ melibatkan “ *time is resources*” dan juga melibatkan “ *time is a valuable commodity* “. Jadi kita faham wang memang merupakan sumber terhad dan sumber terhad ialah komoditi yang bernilai.

#### b. Metafora orientasi

Metafora orientasi mengatur satu sistem konsep menyeluruh yang berkaitan antara satu sama lain. Ianya adalah hasil daripada pengalaman fizikal dan sosial yang

berhubung dengan konsep orientasi ruang: atas-bawah, dalam-luar, hadapan-belakang, buka-tutup, dalam-cetek dan pusat-pinggiran. Contoh-contoh metafora orientasi adalah seperti berikut :

i) Konsep “ *Happy is up ; Sad is down* ”:

*I am feeling **up**. I am feeling **down**. That **boosted** my spirits. My spirit **rose**.*

*I am **depressed**. My spirit **sank**.* (Lakoff dan Johnson ,1980:15)

Konsep ini berasaskan pengalaman fizikal, manusia biasanya menunduk kepala atau badan apabila sedih atau berasa muram dan sebaliknya menegakkan kepala atau badan dengan emosi yang positif.

ii) Konsep “ *Conscious is up ; Unconscious is down* “:

*Get **up**. Wake **up**. He fell **asleep**. He **sank** into coma. He’s **under** hypnosis.*

(Lakoff dan Johnson ,1980:15)

Konsep ini berasaskan pengalaman fizikal, manusia dan kebanyakan mamalia berbaring apabila tidur dan berdiri apabila bangun.

### c. Metafora ontologi

Kita boleh menggunakan pengalaman harian kita untuk memahami sesuatu. Pemahaman melalui pengalaman ini membolehkan kita menggunakan sebahagian dari pengalaman ini dan menganggap pengalaman ini sebagai satu entiti atau perkara penting yang berasingan daripada jenis yang seragam. Apabila kita dapat mengenalpasti pengalaman kita sebagai satu entiti atau perkara penting, kita boleh merujuk kepada pengalaman itu, mengkategorikannya, membahagikannya, membilangnyanya dan juga memberi alasan untuknya.

Dengan kata lain, apabila kita menggunakan pengalaman untuk memahami sesuatu objek fizikal, ia akan memberikan satu asas untuk meluaskan pelbagai jenis metafora ontologi, iaitu cara melihat sesuatu perkara, aktiviti, emosi, pendapat dan lain-lain sebagai satu entiti atau perkara yang bermakna.

Lakoff dan Johnson (1980:26) memberi contoh “ *Inflation*” iaitu inflasi dianggap sebagai satu entiti. Metafora ontologi boleh dibentuk dengan merujuk kepada pengalaman kita terhadap kenaikan harga.

*Inflation is an entity :*

- ***Inflation is lowering** our standard of living.*
- *We need to **combat inflation**.*
- *If there is much **more inflation**, we will never survive.*

(Lakoff dan Johnson ,1980:33)

Daripada contoh di atas, manusia menggunakan pengalaman terhadap keadaan inflasi dengan membentuk berbagai-bagai ayat metafora yang dapat memberi berbagai-bagai maksud yang lain. Malahan, berbagai-bagai jenis metafora yang lain ini masih dapat menggambarkan jenis maksud asal yang diberikan itu, iaitu inflasi.

Lakoff dan Johnson (1980:33) menggunakan personifikasi sebagai metafora ontologi yang paling jelas iaitu objek fizikal bersifat manusia. Hal ini membolehkan kita memahami lebih entiti bukan manusia berdasarkan motivasi, tingkah laku dan aktiviti manusia. Contoh-contoh adalah seperti berikut :

*His **theory explained** to me the behaviour of chickens raised in factories.*

*This **fact argues** against the standard theories. **Life has cheated** me.*

(Lakoff dan Johnson ,1980:33)

Ketiga-tiga jenis metafora yang disarankan oleh Lakoff dan Johson (1980) seperti yang tersebut di atas dijadikan penggolongan dalam kajian ini.

#### **2.4.4 Penggolongan metafora berdasarkan etimologi**

Berdasarkan etimologi, yaitu cabang ilmu linguistik yang mengkaji asal usul dan perkembangan sesuatu kata, Black (1979) membahagikan metafora kepada jenis metafora aktif ( *active metaphor* ), metafora pendam ( *dormant metaphor* ) dan metafora punah ( *extinct metaphor* ) (Lee,2001:48).

##### **a. Metafora aktif**

Menurut Black (Shu,2000:76), metafora aktif ialah metafora yang dapat dikenal pasti makna metaforanya melalui penggunaan item leksikal metafora. Metafora aktif ini mempunyai 2 sifat yang penting, yaitu sifat penegasan ( *emphasis* ) dan sifat gema ( *resonance* ). Sifat penegasan bermakna penggunaan item leksikal metafora itu tidak boleh ditukar, konsepnya berlawanan dengan yang boleh dikorbankan ( *expendable* ), boleh ditukar ganti ( *optional* ) dan berbentuk hiasan ( *decoration* ). Sifat gema bererti metafora itu mengandungi makna tersirat yang kaya. Kedua-dua sifat ini menunjukkan darjah metafora dan saling bergantung. Sifat penegasan metafora yang tinggi juga membawa sifat gema yang tinggi. Black (1979) mengisytiharkan sifat penegasan dan sifat gema yang tinggi ini sebagai metafora yang kuat. Metafora yang kuat ini masih dapat dikesan etimologinya dan makna metaforanya adalah jelas. Sebagai contohnya, makna asal perkataan “*obligation*” mempunyai makna “*bondage*” .

## b. Metafora pendam

Metafora pendam merujuk kepada item leksikal yang sukar untuk diketahui makna sebenarnya, tetapi ada juga yang masih boleh dihidupkan semula walaupun metafora itu telah mati membatu (*stone dead*)(Richards,1967:101). Semakin tinggi penggunaan sesuatu metafora, semakin kurang ciri-ciri metaforanya yang dapat dikesan. Ullman (1962:139) memberi contoh perkataan “*bulge*” yang bermakna bonjol, sebenarnya digunakan untuk merujuk fenomena pertambahan penduduk. Pada mula penggunaannya, perkataan “ *bulge* “ menunjukkan ciri-ciri metafora yang jelas dalam menerangkan pertambahan penduduk, tetapi perkataan itu sering digunakan menyebabkan kita sudah biasa dengan penggunaannya sehingga hilang ciri-ciri metaforanya.

Jika dikaji dari segi etimologi dalam leksikologi, metafora pendam ini masih dapat dibangunkan. Sebagai contohnya, perkataan “ *voyage* “ pada mulanya hanya digunakan dengan erti kata bergerak di air, tetapi sekarang digunakan juga untuk terbang di langit atau di angkasa lepas.

## c. Metafora punah

Metafora punah merupakan jenis metafora yang telah kehilangan makna metaforanya dan tidak dapat dipulihkan. Metafora ini hanya dapat kelihatan makna denotasinya sahaja. Metafora ini juga digelar sebagai “ *Dead or Fossil Metaphor* “ (Lee, 2001:50). Jenis metafora punah ini biasanya berlaku akibat daripada peminjaman item leksikal daripada bahasa lain. Sebagai contohnya, perkataan “ *muscle* “ dalam bahasa Inggeris yang bermakna otot, adalah dipinjam daripada bahasa Latin “ *musculus* “ yang

bermakna tikus (*mouse*) kerana sebahagian otot dan pergerakannya berbentuk tikus. Peminjaman “*muscle*” daripada perkataan “*musculus*” pada mulanya berciri metafora tetapi setelah peminjaman item leksikal metafora ini sering digunakan, ia akan kehilangan makna metaforanya, terutamanya bagi pengguna bahasa Inggeris yang tidak tahu etimologi perkataan itu.

Metafora punah bukan sahaja banyak terdapat dalam bahasa Inggeris, tetapi juga terdapat dalam bahasa Cina. Kehilangan makna metafora ini berlaku bukan disebabkan peminjaman item leksikal daripada bahasa lain kerana bahasa Cina berjaya mengekalkan struktur tatabahasa dan makna asal item leksikalnya. Malahan, makna metafora juga hilang melalui inovasi ortografi tulisan bahasa Cina. Sebagai contohnya, perkataan “虹” (*hong*) yang bermakna “pelangi” adalah gabungan perkataan “虫” (*chong*) dengan “工” (*gong*); kata nama “虫” (*chong*) iaitu “ulat” digunakan untuk membentuk kata nama pelangi “虹” kerana orang Cina pada zaman dahulu melihat pelangi seakan-akan seekor ulat yang tergantung di langit (Xu Shen, 1963). Pembentukan kata nama yang berdasarkan perbandingan ini memang berunsur metafora, tetapi kini telah lenyap sama sekali bentuk metaforanya (Lee, 2001:52).

Kajian metafora dalam puisi tradisional bahasa Cina ini akan melihat penggunaan metafora dari segi makna denotasi dan makna konotasinya. Asal usul pembentukan ortografi tulisan bahasa Cina tidak dimasukkan dalam skop kajian ini. Dengan kata lain, kajian ini tidak bertujuan untuk mencari dan menghidupkan semula metafora pendam atau metafora punah.

Penggolongan metafora dalam kajian ini mengikut penggolongan yang berdasarkan struktur sintagmatik yang disarankan oleh Shu (2000), penggolongan imej

yang disarankan Nilsen dan Nilsen (1978) dan penggolongan konsep yang dicadangkan oleh Lakoff dan Johnson (1980).

## **2.5 Kajian-kajian Berkaitan Metafora**

Bahagian ini akan membincangkan beberapa kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji sejak kebelakangan ini mengenai penggunaan metafora dalam data-data yang berlainan. Hasil kajian mereka telah membuktikan kebenaran teori-teori yang disarankan oleh pakar-pakar yang dibincangkan sebelum ini.

### **2.5.1 Perbandingan konsep metafora cinta dalam puisi bahasa Inggeri dan bahasa**

#### **Melayu**

Tan (1996) membandingkan penggunaan metafora antara puisi bahasa Inggeris dan bahasa Melayu untuk melihat konsep yang abstrak dalam kehidupan, iaitu cinta yang diterangkan oleh metafora. Tujuannya adalah untuk mencari persamaan dan perbezaan dari segi penggunaan metafora dalam puisi yang berlainan bahasa. Hasil kajian beliau mendapati adanya sedikit perbezaan dari segi penggunaan metafora untuk menerangkan kehidupan dalam kedua-dua bahasa tersebut disebabkan oleh perbezaan faktor budaya yang spesifik. Walaupun begitu, beliau berpendapat pada umumnya penggunaan metafora adalah sama dari perspektif kehidupan walaupun merentasi genre dan bahasa yang berlainan. Hal ini kerana metafora bukan ciptaan penulis puisi secara individu, tetapi merupakan manifestasi kecenderungan sejagat untuk menyampaikan sesuatu konsep yang abstrak melalui pengalaman manusia yang konkrit.

Kajian ini memang lengkap dari segi penggunaan metafora dalam konteks perbandingan antara dua bahasa dan budaya yang berlainan. Kajian Tan (1996) mengingatkan pengkaji untuk mengambilkira unsur budaya orang Cina pada zaman Dinasti Tang dan Dinasti Song semasa menganalisa penggunaan metafora dalam puisi tradisional bahasa Cina. Selain itu, hasil kajian Tan mengenai metafora merupakan manifestasi kecenderungan sejagat telah memberi keyakinan kepada pengkaji bahawa konsep yang kompleks seperti metafora boleh diringkaskan dan dipermudah, malah dapat menolong semua lapisan pembaca yang berlainan bangsa untuk memahami makna metafora dalam puisi tradisional purba yang ditulis dalam bahasa Cina .

### **2.5.2 Medan sumber metafora dalam cerpen bahasa Melayu**

Sakina (2000) mengkaji penggunaan metafora dalam bahasa Melayu dengan menggunakan cerpen dari dua akhbar utama dalam tempoh Januari 1996 hingga Jun 1996. Matlamat kajian ini adalah untuk meneliti medan sumber metafora dalam bahasa Melayu. Selain itu, beliau juga mengkaji beberapa struktur dan ciri-ciri metafora yang disarankan oleh pakar-pakar metafora, iaitu aplikasi komponen sumber dan sasaran, perhubungan budaya dan bahasa serta sistem konsep pengguna metafora. Kajian ini telah menggunakan pelbagai kaedah semantik, antaranya ialah analisis fitur semantik, analisis medan semantik , meronim dan juga sistem konsep mengikut Lakoff dan Johson (1980). Sakina berjaya menunjukkan medan sumber metafora yang terdiri daripada manusia dan alam. Kedua-duanya berhubung rapat sehingga sukar dipisahkan. Malahan, dapatan kajian juga membuktikan bahawa bahasa, khususnya metafora memang mencerminkan

sistem konsep penutur iaitu sistem konsep ini terpaku di dalam budaya penuturnya (Sakina, 2000).

Hasil kajian Sakina (2000) mengenai medan sumber metafora yang terdiri daripada sumber manusia dan alam telah memberi sumbangan besar kepada bidang metafora. Beliau membahagikan medan sumber manusia kepada berbagai-bagai elemen dari kepala hingga ke kaki; medan sumber alam pula dibahagikan kepada medan air, api, tanah, tumbuhan dan haiwan. Pembahagian ini jelas dan analisisnya juga terperinci. Kajian ini memberi panduan kepada pengkaji dalam analisis data, terutamanya metafora bukan dilihat dari segi kata nama sahaja, tetapi metafora juga wujud pada kata kerja dan kata sifat di bawah sumber-sumber medan manusia dan alam. Kajian Sakina (2000) bukan sahaja dapat membuktikan teori-teori metafora, menerangkan teori-teori metafora yang kompleks menjadi lebih ringkas dan jelas, malah juga membuka jalan kepada kajian metafora masa depan dalam bahasa Melayu.

### **2.5.3 Metafora dan peribahasa berdasarkan elemen manusia dalam cerpen dan buku teks bahasa Melayu.**

Berikutan dengan kajian Sakina (2000), Phang (2004) telah melakukan kajian ke atas penggunaan bahasa kiasan yang terdiri daripada peribahasa dan metafora berdasarkan Teks Antologi Kesusasteraan Melayu Tingkatan 1 hingga 4. Beliau menggunakan peribahasa dan metafora daripada genre puisi tradisional, puisi moden, cerpen dan drama untuk dikaji. Kajian Phang (2004) terbatas pada bahasa kiasan yang terdiri daripada elemen manusia sahaja yang melibatkan anggota tubuh badan. Hasilnya menunjukkan bahasa kiasan dicipta berdasarkan interaksi dan persepsi manusia terhadap

apa yang ada di sekitar mereka. Kajian ini menunjukkan kebijaksanaan dan ketajaman minda masyarakat Melayu kerana mahir menggunakan anggota badan sebagai perlambangan untuk menyampaikan mesej.

Menurut Aristotle (2004), Lakoff dan Johnson (1980), peribahasa juga mengandungi sifat-sifat metafora, tetapi Phang (2004) telah mengasingkan metafora dan peribahasa kepada dua bidang yang berlainan. Walau bagaimanapun, pendapat tentang penggolongan metafora ini masih diperdebatkan bergantung kepada pendirian masing-masing. Oleh itu, pengkaji perlu membezakan antara metafora dengan jenis bahasa kiasan yang lain dengan jelas dan menyatakan pendirian pengkaji berdasarkan teori yang digunakan.

#### **2.5.4 Metafora dan simile dalam lirik lagu bahasa Melayu**

Johari (2004) menjalankan kajian penggunaan metafora dan simile dalam lirik lagu Melayu. Beliau menilai mesej sebenar yang terkandung dalam lirik lagu Siti Nurhaliza di sebalik baris-baris lirik lagunya yang menggunakan bahasa perbandingan. Kajian terhadap mesej itu didedahkan dengan cara menghubungkan makna setiap kata dengan makna kamus dan makna yang tersirat.

Hasil kajian ini berjaya memantapkan penulisan lirik-lirik lagu yang baik dalam lagu-lagu Melayu yang bakal diterbitkan. Johari (2004) juga berjaya memartabatkan gaya bahasa kiasan orang Melayu yang tercermin dalam lirik-lirik lagu Melayu dan membentuk asas dalam kajian lirik lagu terhadap lagu-lagu penyanyi yang lain.

Metodologi kajian Johari (2004) banyak memberi panduan dalam kajian ini kerana cara penganalisan data lirik lagu dan puisi tidak jauh bezanya, malah puisi sebenarnya boleh dijadikan lirik lagu untuk dinyanyikan.

### **2.5.5 Metafora personifikasi dalam bahasa iklan cetak**

Lwi (2004) pula menjalankan kajian ke atas penggunaan metafora dalam bahasa iklan cetak dari segi semantik. Metafora yang dikaji adalah pada aspek personifikasi. Beliau mengkaji sama ada unsur personifikasi wujud dalam bahasa iklan cetak barangan elektrik dan elektronik dari segi nama produk dan jenama serta peranan personifikasi yang wujud di dalam bahasa iklan cetak dan kepentingannya. Di samping itu, pengkaji juga melihat apa yang dipersonifikasikan oleh para pencipta iklan semasa mencipta sesuatu iklan.

Hasil kajiannya menunjukkan bahawa terdapat banyak unsur personifikasi yang wujud dalam bahasa iklan di samping memberi kesan positif kepada pengguna. Kajian ini menarik kerana menyedarkan pembaca tentang kepentingan penggunaan metafora personifikasi yang dapat mendekati pengguna iaitu produk yang diiklankan itu dihidupkan seperti manusia. Kajian Lwi (2004) ke atas personifikasi menolong mendalamkan lagi pengetahuan pengkaji tentang jenis metafora serta perluasan penggunaan metafora. Personifikasi juga merupakan data yang dikaji dalam kajian ini.

### **2.5.6 Penggunaan metafora dalam mesej SMS di kalangan remaja Cina**

Ang (2006) melakukan kajiannya ke atas analisis penggunaan metafora, angka-angka dan emotikon dalam mesej SMS di kalangan remaja Cina. Beliau membahagikan

analisis penggunaan metafora mengikut domain cinta, persahabatan, tanya khabar, ucap selamat tinggal dan motivasi. Hasil kajian Ang menunjukkan kepentingan menggunakan bentuk leksikal yang berkonsepkan metafora dalam penghantaran sesuatu mesej dengan ringkas, kreatif dan padat maknanya. Tambahan pula, tulisan bahasa Cina yang merupakan piktograf sukar untuk menggunakan kata singkatan (*abbreviation*) seperti bahasa Inggeris dalam penyampaian mesej SMS. Maka penggunaan metafora menjadi amat penting untuk tujuan ringkas dan padat. Malahan, nilai kesopanan dalam kebudayaan masyarakat Cina yang jarang menyampaikan sesuatu mesej dengan terus terang terutamanya dalam hal percintaan memang banyak menggunakan metafora. Ia juga melambangkan penggunaan bahasa yang bertaraf tinggi dan pemikiran yang matang.

Kajian kepentingan dan keperluan penggunaan metafora dalam penghantaran mesej SMS yang dijalankan oleh Ang sebenarnya sama dengan konsep kepentingan penggunaan metafora dalam penyampaian mesej sesebuah puisi tradisional bahasa Cina. Selain itu, penggolongan jenis metafora dalam kajian Ang adalah jelas dan menjadi garis panduan yang baik kepada pengkaji semasa menjalankan proses mengkategorikan jenis metafora yang digunakan dalam puisi tradisional bahasa Cina.

Kajian-kajian yang tersebut di atas telah membantu menambahkan pengetahuan pengkaji tentang penggunaan metafora dalam pelbagai bidang dan bahasa yang berlainan. Ia menjadi garis panduan kepada pengkaji supaya menjalankan kajian dengan metodologi yang lebih tepat. dan mengelakkan kesilapan yang mungkin berlaku demi meningkatkan taraf penyelidikan ini.

## 2.6 Perkembangan Puisi Tradisional Bahasa Cina

Mengikuti catatan sejarah, puisi bermula semasa rakyat jelata menyanyi di samping bekerja secara beramai-ramai. Tujuan nyanyian adalah untuk melaraskan gerakan masing-masing, menghilangkan lesu, meningkatkan kecekapan bekerja dan sebagainya. Mereka biasanya menyanyi semasa bercucuk tanam, mengayuh, memburu dan menjalankan aktiviti yang lain (Chu,1990:36). Nyanyian ini mempunyai rima, irama dan juga merupakan bahasa yang bermakna dan penuh dengan perasaaan, maka inilah puncanya puisi purba. 《诗经》(Shījīng) menjadi koleksi puisi purba yang pertama. Ia disusun pada zaman Chun-Chiu. Puisi ini dihasilkan pada zaman Dinasti Chou Barat (1027-770 sebelum masehi) hingga zaman Chun-Chiu (722-482 sebelum masehi), tempohnya lebih kurang lima ratus tahun. Pada mulanya, 《诗经》(Shījīng) digelar “诗”(Shī) iaitu puisi, tetapi selepas sarjana pada Dinasti Han (220-206 sebelum masehi) menganggapnya sebagai tradisional, maka koleksi puisi-puisi ini diberi nama 《诗经》(Shījīng), iaitu puisi tradisional. Menurut Shang (1986:103), terdapat juga puisi purba yang dihasilkan sebelum 《诗经》(Shījīng) tetapi bilangannya kurang dan sukar dikesan puncanya. Jenis puisi yang lama itu biasanya mempunyai dua perkataan sahaja dalam barisnya. Selepas itu, puisi telah berkembang menjadi empat perkataan dalam 《诗经》(Shījīng) sejajar dengan perkembangan bahasa dan keperluan dalam penggunaan bahasa dalam masyarakat.

Puisi tradisional turut berkembang dari segi strukturnya berdasarkan perkembangan sosial, bahasa dan kreativiti penulis. Selepas 《诗经》(Shījīng), wujudnya “楚辞”(Chǔcí) dari bahagian selatan Negeri Cina pada abad ke-4 sebelum

masehi. “楚辞” (Chǔcí) diasaskan oleh 屈原 (Qū Yuán ), seorang patriotik yang terkenal dalam sejarah Cina. Puisi ini terdiri daripada lima hingga tujuh perkataan dalam barisnya. Ia lebih berbentuk rencana dan bersifat perbualan. Selepas itu, bentuk puisi yang lain, iaitu “赋” ( fù ) juga berkembang pesat semasa Dinasti Han ( 220 - 206 sebelum masehi). “赋” (fù) dibahagikan kepada “古赋” (gǔfù), “俳赋” ( fěifù) dan “律赋” (lüfù) berdasarkan struktur yang berlainan dan dihasilkan pada zaman yang berlainan. Pada zaman Dinasti Han, kerajaan telah menubuhkan sebuah badan untuk mengendalikan hal ehwal muzik. Badan ini digelar “乐府” (yuèfǔ), maka puisi yang dicipta sebagai lirik lagu oleh badan ini digelar sebagai “乐府诗” (yuèfǔshī).

Pada zaman Dinasti Tang (618-906 tahun masehi) dan Dinasti Song (960-1280 tahun masehi), puisi telah berkembang sehingga mencapai peringkat matang. Pelbagai bentuk puisi telah berkembang pesat. Pada masa itu, format dan irama puisi ditegaskan sehingga wujudnya puisi yang berformat dan mempunyai irama yang tertentu, iaitu “格律诗” (gélǜshī) . Format bermakna susunan perkataan dan ayat dalam puisi mesti sama dari segi tatabahasa dan berpadanan dari segi makna; irama pula merujuk kepada sebutan ton yang rancak dan padan dalam sesuatu puisi itu. Sarjana pada masa itu menggelar jenis puisi ini sebagai “近体诗” ( jìntǐshī), iaitu puisi kini untuk membezakannya dengan puisi-puisi purba sebelum itu. Malahan, “近体诗” ( jìntǐshī ) iaitu puisi kini ini juga jauh berbeza daripada puisi zaman moden sekarang.

Sementara itu, puisi yang mempunyai lima atau tujuh perkataan menjadi aliran utama pada zaman itu dan digelar “五言” (wǔyán ) bagi puisi yang mempunyai lima perkataan dan “七言” (qīyán ) untuk puisi yang mempunyai tujuh perkataan dalam

sebaris ayat. Puisi kini ( 近体诗 jìntǐshī) juga terdiri daripada 绝句 ( jué jù) dan 律诗 (lǜshī). 绝句 ( juéjù ) mempunyai empat ayat dalam puisi itu manakala 律诗 ( lǜshī ) mempunyai lapan ayat.

Liu ( 2000:770) menggolongkan puisi kini ( 近体诗 jìntǐshī), puisi purba (古体诗 gǔtǐshī ) dan lirik (词 cí ) yang dihasilkan pada zaman Dinasti Tang dan Dinasti Song sebagai ”古典格律诗” (gǔdiǎn gélǜshī ) . ”古典格律诗” (gǔdiǎn gélǜshī) bermakna puisi berformat dan berirama tradisional. Dalam kajian ini, penulis Pang Jian ( 1999 ) di dalam bukunya telah memetik lebih banyak puisi jenis ini yang terdiri daripada “五言” (wǔyán) dan ”七言” (qīyán ) yang berbentuk 绝句 (juéjù ) dan 律诗 (lǜshī) dan di dalam kajian ini ia digolongkan sebagai puisi tradisional.

## **2.7 Puisi Tradisional Berunsur Falsafah**

Puisi tradisional bukan sahaja digolongkan berdasarkan struktur dan dinasti, ia juga boleh digolongkan berdasarkan tema, contohnya puisi tradisional bertema musim, puisi tradisional untuk gambar, puisi tradisional bertema objek, puisi tradisional bertema alam, puisi tradisional cinta, puisi tradisional bertema sejarah dan sebagainya. Menurut Pang (1999), puisi tradisional yang berunsur falsafah adalah kurang dan lebih sukar dicari berbanding dengan jenis puisi yang telah dinyatakan. Hal ini kerana konsep dan definisi falsafah adalah tidak tegas dan tetap, malahan ianya berlainan mengikut persepsi masing-masing. Di samping itu, bilangan puisi tradisional yang berunsur falsafah memang kurang berbanding dengan puisi tradisional yang berlainan tema.

Perkataan “falsafah” di negeri Cina wujud setelah kemasukan pengaruh barat, tetapi ini tidak bermakna orang Cina tidak mengetahui ilmu falsafah. Malahan, banyak

buku ilmiah tradisional kuno didapati mengandungi unsur-unsur falsafah seperti “尚书” ( Shàngshū ) dan ”周易” ( Zhōuyī ). Sarjana-sarjana sebelum Dinasti Chin yang terkemuka seperti 老子 ( Láozi ), 孔子 ( Kǒngzi ), 墨子 ( Mòuzi ), 孟子 ( Mèngzi ), 庄子 ( Zhuāngzi ), 荀子 ( Xúnzi ) juga banyak menghasilkan karya berunsur falsafah yang terkenal. Puisi tradisional yang berunsur falsafah pula lebih banyak didapati selepas kematangan perkembangan puisi tradisional yang terdiri daripada lima perkataan dalam barisnya pada zaman Dinasti Han.

*Kamus Dewan* (2005:406) mendefinisikan falsafah sebagai ilmu yang tertinggi yang menjadi dasar ilmu-ilmu lain. *Kamus XianDai HanHu CiDian* ( 现代汉语词典 )( 1999:1594) mendefinisikan falsafah sebagai kebenaran mengenai kehidupan dan sejagat. Puisi tradisional berunsur falsafah bermakna puisi-puisi tradisional yang menyampaikan makna sebenarnya mengenai kebenaran hidup dan sejagat.

Puisi tradisional berunsur falsafah yang dipetik oleh Pang (1999) menjadi data kajian ini. Menurut Pang, falsafah adalah kebenaran mengenai kehidupan dan sejagat. Puisi berunsur falsafah merupakan puisi yang mendedahkan ajaran kebenaran yang paling asas dan umum di dalam alam dunia semula jadi dan masyarakat manusia. Buku ini mengandungi puisi-puisi yang mempunyai nilai kesusasteraan dan juga ajaran kebenaran. Puisi yang hanya berunsur ajaran tetapi tiada nilai kesenian bahasa seperti puisi yang berunsur agama tidak dimasukkan dalam buku ini. Begitu juga puisi yang mempunyai nilai bahasa kiasan yang tinggi tetapi kurang ajaran kebenaran juga tidak diambil kira. Dengan itu, buku ini sesuai dijadikan data dalam kajian ini yang bertujuan mengkaji penggunaan metafora dalam puisi tradisional yang berunsur falsafah.

## 2.8 Falsafah Dan Penulis Puisi Dalam Dinasti Tang Dan Dinasti Song

Kajian sejarah menunjukkan negeri China merupakan negara bertamadun sejak lima ribu tahun dahulu. Chai (1988) dalam kajiannya mengenai perkembangan falsafah negeri Cina menyatakan bahawa sejarah falsafah negeri China bermula sebelum Dinasti Chin (221 sebelum Masehi). Benih ilmu pemikiran pula mula disemai pada zaman Pemerintah Fu Xi , Huang Di, Shen Nong, Yao dan Sun ( 2070 sebelum Masehi).

Falsafah orang Cina juga kaya dengan teori-teori dan prinsip-prinsip dari dalam negeri dan luar negeri. Menurut Chai (1988), falsafah Cina berpusat pada “ manusia” dan “ kehidupan”. Begitu juga dengan budaya Cina yang mementingkan pembelajaran dan pengajaran kemanusiaan. Pengajaran Confucious dan Tao adalah tunjang pengajaran, pemikiran, peraturan kehidupan dan juga pedoman tingkah laku orang Cina. Pada zaman Dinasti Tang, agama Buddha dibawa masuk ke negeri China dan turut diterima oleh para cendekiawan dan rakyat jelata. Dengan itu, budaya orang Cina boleh dikatakan subur dan kaya dengan ilmu falsafah, pengajaran kemanusiaan dan pengajaran agama. Falsafah dan pemikiran orang Cina merupakan kekayaan tamadun dan budaya bangsa.

Peter (1992) yang mengkaji pemikiran golongan sarjana pada Dinasti Tang dan Dinasti Song mendapati bahawa golongan sarjana pada zaman itu bukan sahaja merupakan ahli sasterawan tetapi juga merupakan ahli falsafah dan ahli politik. Mereka ini digelar “ 士” (shì ) yang merupakan golongan berpendidikan dan mempunyai status yang tinggi dalam masyarakat. Golongan sarjana ini menggunakan hasil karya mereka untuk menyampaikan pemikiran mereka tentang amalan hidup dan juga idea-idea pengurusan mereka dalam politik. Dalam kajian ini, penulis-penulis puisi seperti 韩愈 (Hán Yù) , 王安石 (Wáng Ānshé) , 苏轼 (Shū Shì) , 朱熹 (Zhū Xī) dan lain-

lain merupakan ahli falsafah, ahli politik dan juga sasterawan yang terkemuka dan terkenal.

Pengkaji memilih 30 buah puisi tradisional berunsur falsafah yang ditulis semasa Dinasti Tang dan Dinasti Song yang mencapai keagungan dan kegemilangan falsafah orang Cina. Kajian metafora terhadap puisi-puisi tersebut dapat mencerminkan kecanggihan penggunaan bahasa para sarjana pada zaman itu dan juga menunjukkan kemajuan tamadun orang Cina.

## **2.9 Kesimpulan**

Bab ini telah merumuskan dapatan kajian perpustakaan terhadap metafora dan puisi tradisional. Kedua-dua bidang ini memang besar, luas dan mendalam. Daripada pemahaman kedua-dua bidang ini, pengkaji dapat memperolehi garis panduan yang lebih jelas, mendirikan skop kajian yang berpatutan, membentuk kaedah penganalisan data yang tepat dan dapat merangsangkan idea baru dalam penganalisan data yang seterusnya. Walaupun teori-teori yang dikemukakan oleh ramai pengkaji seperti yang disebut di dalam Bab 2 ini ada persamaan dan perbezaannya, pengkaji akan menggunakan teori disarankan oleh Aristottle (2004), Lakoff dan Johnson (1980), Shu (2000) serta Nilsen dan Nilsen (1978). Bab seterusnya akan menerangkan metodologi kajian ini, iaitu langkah-langkah yang diambil oleh pengkaji dalam proses pemungutan data sehingga proses penganalisan data.